

PERSIDANGAN KEPIMPINAN WANITA KE-5

18 & 19 Mac, 2015

Istana Hotel, KL

Menerajui Pemangkin Wanita Ke Arah Tranformasi Negara

Di akhir persidangan, delegasi akan mendapat

- Menjadi sebahagian daripada Persidangan Kepimpinan Wanita (PKW 2015) yang eksklusif yang menghimpunkan pemimpin-pemimpin wanita dari pelbagai sektor kerjaya bagi membincangkan isu dan strategi kepimpinan wanita masa kini.
- Mempertingkatkan tahap daya saing dan toleransi di kalangan wanita yang bekerjaya.
- Berpeluang berinteraksi dan membina rangkaian bersama pemimpin-pemimpin wanita dari pelbagai sektor.
- Menggarap tips dan strategi pemerksaan wanita yang efektif bagi generasi pemimpin yang akan datang.
- Mengenal pasti strategi-strategi bagi membangunkan pemimpin wanita generasi pelapis.
- Menerokai dan membina inspirasi dari corak gaya kepimpinan wanita dari era pembangunan yang berbeza.
- Persidangan Kepimpinan Wanita Ke-5 ini menyediakan platform profesional antara pemimpin-pemimpin wanita dari pelbagai sektor yang menjadi nadi dalam kepimpinan negara.

Dianjurkan Oleh :



Didaftar dibawah :

PSMB
APPROVED TRAINING
PROVIDER
CLASS A
(Serial No: 1631)

MINISTRY OF FINANCE
(MOF No: 357-02054304)





LATAR BELAKANG

Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Kebajikan dan Masyarakat, kadar penyertaan tenaga kerja wanita di Malaysia adalah 52.4 peratus pada 2013, bermakna bagi setiap 100 wanita, sebanyak 52 memasuki sektor kerjaya dan penglibatan ini kelihatan telah banyak membantu dalam sektor pertumbuhan negara terutamanya dari segi pengurusan dan pembuat keputusan. Namun menurut kajian tenaga kerja oleh Jabatan Statistik, wanita yang memegang jawatan sebagai pengurus hanya 3.2 peratus dan profesional hanya 14.8 peratus. Ini membuktikan bahawa masih ramai golongan wanita yang berpendidikan dan profesional di Malaysia yang tidak memasuki bidang pasaran kerja. Bagi menangani masalah tersebut, pelbagai inisiatif akan dilaksanakan bagi mencapai sasaran 55 peratus tenaga kerja wanita menjelang 2015 termasuk waktu kerja fleksibel, bekerja dari rumah dan menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Ini bertujuan bagi menggalakkan dan memperkasakan penglibatan wanita sebagai pemimpin di persada negara.



DELEGASI PERSIDANGAN

Persidangan ini direka khas bagi wanita-wanita dari organisasi-organisasi sektor awam dan swasta, pembuat keputusan dari sektor korporat, Badan-badan NGO, terutamanya Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Bahagian Operasi, Pengurus-pengurus serta Usahawati dan Peniagawati.

FOKUS PERSIDANGAN

PKW 2015 melampirkan satu platform khusus untuk pemimpin-pemimpin wanita dari pelbagai sektor kerjaya bagi berkongsi dan bertukar pendapat mengenai isu-isu dan cabaran yang berkait rapat dengan kepimpinan dan pemerkasaan wanita seperti yang berikut:

- **Mencorak gaya keunggulan dalam kepimpinan wanita masa kini**
- **Berani untuk melangkah kehadapan demi pencapaian yang luar biasa**
- **Merasionalisasikan impak positif dalam membuat keputusan**
- **Pemimpin wanita sebagai medium janakuasa persekitaran positif**
- **Menerajui kepimpinan dalam dunia gender yang berbeza**
- **Memangkinkan pembentukan generasi pelapis yang berdaya saing**
- **Dialog wanita – Revolusi kepimpinan wanita dahulu, kini dan akan datang**
- **Destinasi dan hala tuju pemimpin generasi wanita seterusnya**



SPEAKER PROFILE



Nuraizah Shamsul Baharin

Pengarah Urusan
Madcat World Sdn. Bhd.



Selepas mendapat kelulusan sebagai Jurutera Elektrikal dari University of Michigan, Nuraizah memulakan kariernya sebagai Jurutera Produk di Motorola Malaysia dimana beliau ditugaskan di Jerman dan Scotland. Sepanjang tempoh bertugas, Nuraizah telah menerima pelbagai anugerah seperti anugerah kecemerlangan teknikal dan juga produktiviti.

Pada tahun 2006, beliau telah menubuhkan CWorks Mobile Sdn. Bhd. dan bekerja keras sehingga nilai aset syarikat tersebut meningkat sebanyak 17 kali daripada nilai asalnya. Pada tahun 2010, syarikat Madcat World pula ditubuhkan dimana syarikat ini menghasilkan sebanyak 900,000 aplikasi yang boleh dimuat turun lebih dari 201 negara di serata dunia.

Beliau telah merangkumi pelbagai anugerah seperti Great Women of Our Times Awards dalam bidang Sains dan Teknologi oleh Malaysian Women's Weekly dan NEF-Awani ICT Awards 2013 bagi Best Woman Technopreneur. Selain itu, Nuraizah juga tercalon dalam 5 Finalis Utama bagi NTV7's Bella Awards dalam kategori Perniagaan dan tercalon untuk Women of Excellence Awards pada tahun 2014. Nuraizah memegang kepercayaan yang tinggi bahawa wanita adalah pemangkin utama dalam pertumbuhan ekonomi masa kini.



Nor Rejina Abdul Rahim

Pengarah Urusan
Nomura Asset Management

Rejina memulakan kariernya sebagai seorang pegawai undang-undang di salah sebuah syarikat broker saham tempatan sebelum menyertai syarikat dana pada tahun 1998. Beliau telah menyumbang secara aktif dalam industri pengurusan aset dan unit amanah menerusi kerjasama yang kukuh diantara organisasi-organisasi dalam industri tersebut dan juga bersama Suruhanjaya Sekuriti.

Beliau bertanggungjawab dalam pengendalian syarikat Nomura Asset Management Malaysia Sdn Bhd (NAM Malaysia) iaitu syarikat yang ditubuhkan oleh beliau pada Disember 2006. Dibawah pengurusannya, NAM Malaysia telah berkembang pesat menjadi salah sebuah syarikat unit amanah asing yang terbesar di Malaysia. Rejina juga adalah wanita pertama bukan berbangsa Jepun yang bertugas menjadi Pengarah Urusan bagi cawangan di luar negara.

Rejina mempunyai Ijazah Sarjana dalam Undang-undang dari University of Kent, Canterbury UK dan telah diserap masuk ke Badan Organisasi Pengamal Undang-undang di England dan Wales. Beliau mempunyai lesen sebagai wakil pemegang amanah dan terbaru, Kelayakan Kewangan Islam dari Chartered Institute for Securities and Investment, UK.



Hajjah Siti Aminah

Pengarah Urusan & Perunding Utama
Prima Creation Consultants

Hajjah Siti Aminah adalah Perunding Utama dan Pengarah Urusan bagi syarikat Prima Creation Consultants. Beliau membantu pelanggan dalam pengurusan pengambilan bakat, polisi pengurusan dan pelaksanaan sumber manusia bagi pelbagai syarikat di Malaysia, dan juga latihan dan perkembangan bagi pelbagai syarikat yang berkaitan dengan kerajaan.

Beliau merupakan Pengarah Sumber Manusia bagi syarikat Amerika, Iomega Malaysia Sdn Bhd dan Venture Electronics Services Sdn Bhd sepanjang tempoh dari tahun 1997-2003. Sejurus sebelum tempoh tersebut, beliau juga terlibat dengan pelbagai syarikat multinasional dan telah menubuhkan fasiliti yang serba moden bagi syarikat Komag Sarawak. Hajjah Siti aminah mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam pembukaan dan penutupan syarikat. Beliau mengakhiri karier pada tahun 2003 dan memutuskan untuk membuka perniagaan sendiri bersama rakan-rakan pada tahun 2004.

Tahun 2015 merupakan tahun yang membekalkan pelbagai potensi dan beliau berazam untuk mengembangkan kemajuan dalam perkembangan kendiri. Beliau akan bekerjasama bersama rakan-rakan dan juga organisasi berbeza untuk membangunkan profesional-profesional bagi mencapai matlamat diri serta organisasi.

KANDUNGAN PERSIDANGAN

8.00 am – 8.30 am

Pendaftaran & Sesi minum pagi

8.30 am – 8.45 am

Pembukaan Persidangan
Kata Aluan oleh Penganjur

8.45 am – 9.00 am

Kata Aluan oleh Pengerusi Majlis

9.00 am – 9.45 am

Sesi 1

MENCORAK GAYA BERKUALITI DALAM KEPIMPINAN WANITA MASA KINI

- Menyerlahkan keupayaan sebenar wanita dalam bidang pengurusan dan kepimpinan
- Cabaran dan tanggungjawab wanita dalam kepimpinan masa kini
- Kriteria berkualiti yang diperlukan dalam diri seorang pemimpin wanita
- Langkah memperkasakan generasi yang akan datang bersama kepimpinan yang berkualiti

Penceramah Jemputan: **Dato' Sri Rohani Abdul Karim**, Menteri, **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

9.45 am – 10.30 am

Sesi 2

BERANI UNTUK MELANGKAH KEHADAPAN DEMI PENCAPAIAN OPTIMUM

- Status dan pencapaian pembangunan wanita dalam sebuah organisasi
- Mengenal pasti peluang perkembangan kerjaya yang sedia ada
- Langkah efektif bagi menghadapi cabaran sebagai pembuat keputusan

Penceramah : **Dr. Ruslinda Abdul Rahim**, Timbalan Dekan & Pensyarah, **Research Management and Innovation Centre, Institute of Nano Electronic Engineering, Universiti Malaysia Perlis**

10.30 am – 11.00am

Sesi Minum Pagi & Membina Rangkaian

11.00 am – 11.45 am

Sesi 3

MERASIONALISASI IMPAK POSITIF DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

- Memahami dan menilai dilema dan cabaran pemimpin wanita sebagai pembuat keputusan
- Tips, langkah dan medium perantaraan yang penting bagi membantu dalam membuat keputusan
- Strategi efektif bagi memperkasakan kepimpinan dalam membuat keputusan yang optimum

Penceramah: **Dato' Hafsa Hashim**, Ketua Pegawai Eksekutif, **SME Corporation Malaysia**

11.45 am – 12.30 pm

Sesi 4

PEMIMPIN WANITA SEBAGAI MEDIUM JANAKUASA PERSEKITARAN POSITIF

- Tips untuk mengekalkan sikap positif dalam diri bersama kepimpinan yang optimistik
- Menjana persekitaran yang lebih positif melalui sikap optimistik
- Pengurusan tekanan bagi wanita di sektor kerjaya
- Pemimpin wanita sebagai sumber inspirasi demi kemajuan diri dan generasi yang akan datang

Penceramah: **Hajah Siti Aminah Ahmad**, Pengarah Urusan, **Prima Creation Consultants Sdn. Bhd.**

12.30 pm – 2.00 pm

Sesi Makan Tengahari & Membina Rangkaian

2.00 pm – 2.45 pm

Sesi 5

MENERAJUI KEPIMPINAN DALAM DUNIA GENDER YANG BERBEZA

- Dilema dan cabaran wanita dalam memimpin persekitaran gender yang berbeza
- Tips dan strategi dalam memenuhi ekspetasi dalam industry yang didominasi oleh lelaki
- Meruntuhkan siling kaca bidang profesional yang mengasingkan gender dengan keupayaan memimpin yang berkesan

Penceramah Jemputan : **Datuk Norida Hamzah**, Pengarah Eksekutif, **Aerotree Defence & Services Sdn. Bhd.**

2.45 pm – 3.30 pm

Sesi 6

MEMANGKINKAN PEMBENTUKAN GENERASI PELAPIS YANG BERDAYA SAING

- Peranan pemimpin wanita kontemporari dalam usaha pemerkasaan pemimpin wanita generasi akan datang
- Langkah-langkah bagi membantu generasi yang seterusnya dalam menjadi pemimpin yang berkualiti

Penceramah Jemputan : **Dato' Sabariah Hassan**, Ketua Setiausaha, **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

3.30 pm – 4.00 pm

Sesi Minum Petang & Membina Rangkaian

4.00 pm – 4.45 pm

Sesi 7

DIALOG WANITA – REVOLUSI KEPIMPINAN WANITA DAHULU, KINI DAN AKAN DATANG

- Mengenal pasti sumbangan dan kisah wanita dahulu, kini dan akan datang dalam pemerkasaan wanita di Malaysia
- Meneliti corak gaya kepimpinan wanita dari pelbagai era yang berbeza
- Peranan dan tanggungjawab pemimpin wanita dahulu, kini dan akan datang

Penceramah Jemputan : **Professor Dr. Madeline Berma**, Pengarah, **Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, UKM (Moderator)**

Panel: **Shahnaz Al-Sadat**, Pengarah, **MINDA & Nurul Syakirin**, Pelajar Wanita MPP Pertama, **Universiti Sains Islam Malaysia**

4.45 pm – 5.30 pm

Sesi 8

DESTINASI DAN HALA TUJU PEMIMPIN GENERASI WANITA SETERUSNYA

- Mengenal pasti peranan generasi wanita seterusnya terhadap pembangunan ekonomi negara
- Mengupas peluang dan potensi yang perlu digarap oleh pemimpin wanita kontemporari
- Hubungkait dan hala tuju pemerksaan generasi wanita akan datang dalam mentransformasi Malaysia sebagai negara maju

Penceramah Jemputan: **Norhayati Md. Taib**, Pengarah Urusan, **MYAGRI Group**

5.30 pm

Tamat Persidangan

KANDUNGAN PERSIDANGAN

8.00 am – 8.30 am

Pendaftaran & Sesi minum pagi

8.30 am – 8.45 am

Pembukaan Persidangan
Kata Aluan oleh Pengangur

8.45 am – 9.00 am

Kata Aluan oleh Pengurus Majlis

9.00 am – 9.45 am

Sesi 9

INTERPRETASI HAK WANITA DALAM SISTEM UNDANG-UNDANG NEGARA UNTUK LEBIH MAJU KE HADAPAN

- Memfokuskan hak wanita dalam konteks perundangan di Malaysia
- Menganalisis dan memahami hak wanita sebagai wanita bekerjaya dalam sesebuah organisasi
- Mengetahui perbezaan hak antara dua gender yang berbeza

Penceramah: **Betty Yeoh**, Programmes Manager, **All Women's Action Society**

9.45 am – 10.30 am

Sesi 10

MELESTARIKAN KAWALAN KEWANGAN YANG STABIL DEMI MASA DEPAN YANG LEBIH TERJAMIN

- Penetapan dan perancangan matlamat untuk kawalan kewangan yang stabil
- Mengenal pasti kelebihan kewangan yang stabil untuk diri dan keluarga
- Tips dan strategi bagi mendorong wanita untuk melihat kesan jangka pendek dan jangka masa panjang dalam pengurusan kewangan

Penceramah: **Rejina Rahim**, Pengarah Urusan, **Nomura Asset Management**

10.30 am – 11.00am

Sesi Minum Pagi & Membina Rangkaian

11.00 am – 11.45 am

Sesi 11

EKSPLORASI BIDANG KEUSAHAWANAN SEBAGAI PEMANGKIN PEMBANGUNAN EKONOMI GLOBAL

- Peluang dan pencapaian wanita dalam sektor keusahawanan
- Isu dan cabaran yang dihadapi dalam bidang perniagaan
- Langkah dan perancangan efektif bagi wanita dalam melangkuai perbatasan dan persaingan dunia keusahawanan

Penceramah: **Dato' Hazimah Zainudin**, Pengarah Urusan, **Hyrax Oil Sdn. Bhd.**

11.45 am – 12.30 pm

Sesi 12

IMEJ KEPIIMPINAN WANITA DARI SEGI PERSPEKTIF GLOBAL

- Menganalisis pandangan dan perspektif terhadap pemimpin wanita di mata dunia
- Memahami kepentingan dan hubungkait antara imej yang berkualiti dan kepimpinan yang efektif
- Strategi bagi memperkasakan imej pemimpin yang bersesuaian dan berkualiti

Penceramah: **Nur Baidzurah Mohd Ali**, Naib Presiden Pengurusan Korporat, **Malaysia Venture Capital Management Berhad**

12.30 pm – 2.00 pm

Sesi Makan Tengahari & Membina Rangkaian

2.00 pm – 2.45 pm

Sesi 13

MENJULANG KELUARGA DALAM MENERAJUI PENCAPAIAN YANG OPTIMUM

- Dilema pemimpin wanita dalam menerajui kerjaya yang optimum dan membentuk keluarga yang bahagia
- Tanggungjawab dan cabaran seorang pemimpin terhadap keluarga dan kerjaya
- Langkah-langkah pembahagian masa yang seimbang terhadap keluarga

Penceramah Jemputan : **Dr. Tengku Naufal Tengku Mansor**, Fasilitator, **Kaunselor & Peguam, Tengku Naufal & Co**

2.45 pm – 3.30 pm

Sesi 14

WANITA SEBAGAI PENGERAK KEPIMPINAN DALAM DUNIA TEKNOLOGI

- Kriteria kepimpinan wanita dalam dunia teknologi
- Peluang dan pencapaian wanita dalam sektor teknologi
- Dilema dan cabaran wanita dalam bidang teknologi
- Strategi dan persediaan efektif dalam memperkasa kan wanita terhadap penggunaan teknologi

Penceramah : **Nuraizah Shamsul Baharin**, Pengarah Urusan, **Madcat World Sdn. Bhd.**

3:30 pm – 4:00 pm

Sesi Minum Petang & Membina Rangkaian

4.00 pm – 4.45 pm

Sesi 15

MENGAKTIFKAN PERISAI DALAM KEPIMPINAN WANITA

- Mendalami risiko keganasan terhadap wanita dan hak perlindungan wanita sebagai aset penting di mata dunia
- Strategi dan langkah-langkah efektif bagi memperkasakan wanita terhadap keganasan
- Pemimpin wanita sebagai sumber kekuatan kepada wanita teraniaya

Penceramah: **Insp. Siti Nur Baidura Binti Dato' Mohd Zulyadaen**, Pegawai Penyiasat Trafik, **IPD Klang Selatan**

4.45 pm – 5.30 pm

Sesi 16

MEMARTABAT DAN MEMPERKASAKAN WANITA SEBAGAI PEMIMPIN DI PERSADA NEGARA

- Status dan pencapaian wanita sebagai pemimpin di Malaysia
- Membincangkan tentang pentingnya sumbangan wanita sebagai pemimpin dalam sektor pertumbuhan negara
- Strategi bagi memartabat dan melonjak generasi wanita seterusnya sebagai pelapis kepimpinan negara

Penceramah Jemputan: **Datin Paduka Che Asmah Binti Ibrahim**, Ketua Bahagian Wanita, **IKRAM**

5.30 pm

Tamat Persidangan